

Impak Geopolitik Terhadap Pembangunan Ekonomi Di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Panchor, Pengkalan Chepa, Kelantan

Impact Of Geopolitics On Economic Development In State Legislative Assembly Area Of Panchor, Pengkalan Chepa, Kelantan

Nur Ainisyafini Ab Rahim
¹Junaidi Awang Besar

Program Geografi
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: ¹jab@ukm.edu.my

ABSTRAK

Geopolitik mempunyai peranan dalam pembangunan ekonomi di Malaysia. Pembangunan ekonomi di sesebuah kawasan dikaitkan dengan kuasa politik yang memerintah di kawasan tersebut. Campur tangan politik sangat penting dalam kemajuan ekonomi dan masyarakat. Kestabilan politik adalah sangat penting kerana ini akan memberi kesan kepada perkembangan ekonomi. Objektif umum bagi kajian ini adalah untuk mengkaji impak geopolitik terhadap pembangunan ekonomi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Panchor yang terletak dalam Parlimen Pengkalan Chepa, Kelantan. Kajian ini menggunakan kaedah pengumpulan data lapangan iaitu temu bual, soal selidik, pemerhatian di lapangan dan rujukan sumber sekunder. Penganalisan data dilakukan dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26.0. Hasil kajian menunjukkan bahawa tahap kefahaman rakyat mengenai konsep geopolitik adalah rendah iaitu 26 peratus. Namun, ramai responden yang beranggapan bahawa pengetahuan konsep politik, geopolitik dan pembangunan ekonomi penting untuk kalangan masyarakat dengan 82 peratus. Jenis pembangunan ekonomi pula terdiri daripada ekonomi primer, sekunder dan tertier. Terdapat 60 peratus responden yang menyatakan bahawa sektor ekonomi sekunder merupakan sektor yang paling banyak disertai oleh masyarakat setempat. Hasil kajian mendapati bahawa rata-rata responden bersetuju bahawa kestabilan politik boleh mempengaruhi pembangunan ekonomi di sesebuah kawasan dengan 92 peratus. Kesimpulannya, kajian ini memberi kepentingan dalam memperkembangkan ilmu pengetahuan, menambah data mengenai kajian politik dan sebagai sumber rujukan berkaitan politik dan ekonomi.

Kata kunci: pembangunan ekonomi, geopolitik, kemajuan rakyat, sektor ekonomi, pilihan politik

ABSTRACT

Geopolitics has a role in economic development in Malaysia. Economic development in an area is linked to the political power that rules in that area. Political intervention is very important in economic and social progress. Political stability is very important because this will affect economic development. The general objective of this study is to study the impact of geopolitics on economic development in the area of Panchor State Legislative Assembly which is located in the Pengkalan Chepa Parliament, Kelantan. This study uses field data collection methods such as interviews, questionnaires, observations in the field and references to secondary sources. Data analysis is done through software the Statistical Package for Social Science (SPSS) Statistic version of 26. The results of the study show that the level of understanding amongst respondents about the concept of geopolitics is low at 26 percent. However, many respondents thought that knowledge of

political concepts, geopolitics and economic development was important for the community with 82 percent. The type of economic development consists of primary, secondary and tertiary economy. There are 60 percent of respondents who stated that the secondary economic sector is the sector that the local community participates in the most. The results of the study found that the average respondent agreed that political stability can influence economic development in an area with 92 percent. In conclusion, this study is important in developing knowledge, adding data on political studies and as a reference source related to politics and economics.

Keywords: *economic development, geopolitics, people's progress, economic sector, political choice*

1. Pengenalan

Malaysia merupakan negara yang mengamalkan sistem pemerintahan Demokrasi Berparlimen. Parlimen Malaysia adalah satu struktur demokrasi kerajaan yang dibentuk melalui perwakilan yang dipilih oleh rakyat. Bagi mewujudkan dan mengukuhkan amalan demokrasi, sistem pilihan raya dibentuk dan diamalkan yang menjadi saluran rasmi bagi rakyat untuk mengundi. Penglibatan rakyat dalam proses pemerintahan negara melalui pilihan raya. Terdapat dua elemen yang penting iaitu parti politik dan proses pilihan raya. Pilihan Raya Umum (PRU) di Malaysia diadakan untuk memilih ahli Dewan Rakyat dan ahli Dewan Undangan Negeri (DUN) melalui pengundian.

Ekonomi pula merupakan aspek yang perlu dijaga dan dibangunkan untuk memajukan kawasan dan menjamin kebajikan masyarakat. Fenomena di Malaysia memperlihatkan bahawa di setiap negeri atau kawasan mempunyai tahap pembangunan ekonomi yang berbeza disebabkan oleh perbezaan parti yang memerintah. Pembangunan ekonomi melibatkan interaksi politik dimana pemerintah mempunyai kuasa untuk menjaga kepentingan ekonomi. Kestabilan politik adalah sangat penting kerana ini akan memberi kesan kepada perkembangan ekonomi dan kesejahteraan masyarakat. Perkembangan ekonomi akan terbantut jika berlakunya pergolakan politik serta memberi kesan sosial kepada masyarakat. Campur tangan politik sangat penting dalam kemajuan ekonomi dan masyarakat. Jenis parti politik juga mungkin menjadi faktor kepada pembangunan ekonomi di sesuatu kawasan. Jenis pembangunan ekonomi mungkin berbeza-beza mengikut kawasan DUN. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji impak geopolitik terhadap pembangunan ekonomi di kawasan DUN Panchor bagi memenuhi tiga objektif khusus kajian.

2. Sorotan Literatur

Bagi kajian luar negara, asal-usul struktur dalam politik pilihan raya secara tradisinya dilihat dalam perpecahan sosial dan respon mereka dalam sistem parti (Lipset & Rokkan 1967). Aldrich (1995) menjelaskan dari segi perspektif pilihan sosial, asal usul parti politik juga ditemui dalam proses endogen dalam badan perundangan yang dipilih yang merangkumi insentif untuk membentuk gabungan pengundian yang berkekalan.

Penulisan Hen dan Foard (2014) yang bertajuk 'Belia dan Politik di Britain' mengenai hubungan golongan belia dan mengundi. Beliau mengatakan bahawa kebimbangan utama ahli politik negara ialah golongan muda keberatan untuk mengundi dan ini terletak pada sikap tidak peduli politik. Hubungan golongan belia dengan politik dilihat semakin merosot. Namun, kajian ini mendedahkan bukti bertentangan dengan stereotaip bahawa belia tidak peduli dari segi politik tetapi mereka menyatakan minat dalam hal politik. Kajian oleh Klemperer (2019) yang bertajuk 'Sistem Pilihan Raya dan Politik British' menyatakan bahawa pilihan raya di British telah diadakan

menggunakan pelbagai sistem pilihan raya yang berbeza. Kajian ini meneliti pelbagai sistem pilihan raya dan mencadangkan bahawa terdapat tiga aspek atau pilihan yang perlu diberi pertimbangan. Beliau mengatakan bahawa pilihan ini akan membolehkan sistem parti British dapat berkembang dengan fleksibel.

Kajian Klemperer (2019) bertajuk ‘Sistem Pilihan Raya dan Pembaharuan Pilihan Raya di UK dalam Perspektif Sejarah’ menyatakan tentang perbahasan UK mengenai reformasi pilihan raya memerlukan perspektif sejarah. Selalunya, sistem pilihan raya FPTP yang digunakan untuk pilihan raya Westminster dibentangkan sebagai bahagian tradisi demokrasi British yang jelas sejak berabad yang lalu. ‘Memikirkan Semula Kajian Politik Pilihan Raya di Dunia Membangun: Refleksi Kes India’ merupakan satu kajian oleh Auerbach et al. (2021) mengenai pemikiran semula pertikaian bahawa India sesuai dengan kebijaksanaan yang ada dalam kesusasteraan politik perbandingan. Penyelidikan ini bukan sahaja mempersoalkan seruan politik India untuk hujah-hujah yang hanya dicontohi oleh negara secara tidak sempurna tetapi ia juga mencadangkan hala tuju baharu dalam kajian politik perbandingan.

Bagi kajian dalam negara, NSTP Research and Information Services (1994) memperihalkan bahawa Malaysia mengamalkan sistem Parlimen Persekutuan yang demokratik dengan konstituensi beraja yang menggunakan model British Westminster. Malaysia juga mengamalkan doktrin pengasingan kuasa antara eksekutif, perundangan dan kehakiman. Junaidi et al. (2012) dalam artikel jurnal yang bertajuk ‘Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca pilihan raya umum (PRU) 2008 di Malaysia’ mendapati belia Melayu inginkan kebebasan bersuara dan memenuhi keperluan mereka. Pengurusan persepsi sangat penting dalam memastikan belia faham mengenai isu semasa dan dasar pemerintah negara oleh kerajaan.

Junaidi et al. (2014) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis ‘Tsunami Politik Bandar’” mendapati bahawa ‘tsunami politik bandar’ berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada Pakatan Rakyat (PR). Menurut Junaidi (2016) melalui penulisan artikel jurnalnya yang bertajuk “Perkaitan Sumber Maklumat dengan Sokongan kepada Parti Politik”, beliau menyatakan bahawa akses sumber maklumat melalui pembacaan dan maklum balas terhadap sesuatu maklumat akan mempengaruhi pendirian seseorang sama ada bersikap percaya sepenuhnya ataupun menafikan maklumat yang diperoleh tersebut. Junaidi et al. (2020b) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia” menjelaskan bahawa sebahagian besar daripada 10 PRK pasca PRU 2018 di Malaysia memperlihatkan pada awalnya peratusan keluar mengundi semakin merosot iaitu di bawah 50 peratus, wujudnya kerjasama/taawun politik (perpaduan ummah) antara UMNO (BN) dengan PAS.

Bagi kajian di Kelantan, Siti Amani (2013) mendapati bahawa peluang untuk menawan Kelantan pada PRU-13 adalah cerah kerana bacaan sikap awal menunjukkan pengundi menyokong BN. Namun begitu, strategi “gelombang merah” dan tujuh janji pembangunan oleh Perdana Menteri dilihat masih tidak mampu membuka hati rakyat Kelantan untuk menyokong BN seterusnya dalam PRU sebenar 2013. Seterusnya, dalam kajian oleh Mohd Rozimi dan Ahmad Kamal (2012) menerangkan tentang suasana politik di negeri Kelantan bermula dari era pemerintahan parti PAS sehingga pengisytiharan Darurat 1977. Kajian ini melihat dari aspek sejarah dan menjadikan sumber-sumber kepustakaan sebagai data dalam menjelaskan fenomena yang berlaku. Hassan (1999) dalam kajiannya menyatakan peratusan undi yang diperoleh dan dicapai oleh BN dan juga PAS sejak PRU 1955 hingga 1995. Penulis menerangkan bagaimana dan faktor-faktor yang mempengaruhi undi antara BN dan PAS. Antaranya ialah faktor dalam sama ada dari BN ataupun PAS itu sendiri.

Menurut Samsiyah (1996) menyatakan dalam sesuatu proses politik, pandangan, tingkah laku, dan respons antara individu adalah berlainan. Pengundi di Kelantan berminat tentang politik sama ada yang tinggal di bandar atau luar bandar dan mereka mengambil berat terhadap calon yang menang. Mohd Sayuti (1994) dalam buku yang bertajuk “Dilema Politik Kelantan: Mampukah BN Gugat Angkatan?” menjelaskan bahawa PAS ditonjolkan sebagai simbol kekuatan Islam di Kelantan manakala UMNO pula dilabelkan sebagai agen pembangunan.

3. Metod dan Kawasan Kajian

3.1 Metod

Terdapat empat kaedah pengumpulan data yang sering digunakan dalam penyelidikan iaitu temu bual, soal selidik, pemerhatian dan eksperimental. Dalam kajian ini, kaedah yang digunakan ialah soal selidik, temu bual, pemerhatian di lapangan dan rujukan data statistik kaum, umur dan *score sheet* keputusan PRU 2018 dan 2022.

Soal selidik dilakukan dengan menyediakan beberapa siri soalan mengenai tajuk kajian yang melibatkan isu ekonomi dan politik. Soal selidik disediakan kepada beberapa bahagian iaitu Bahagian A yang merangkumi demografi responden, Bahagian B sumber maklumat politik dan isu semasa, Bahagian C tahap pengetahuan dan kefahaman terhadap konsep politik, geopolitik dan pembangunan ekonomi, Bahagian D jenis pembangunan ekonomi di kawasan DUN Panchor, Bahagian E pengaruh geopolitik terhadap pembangunan ekonomi, Bahagian F mengenai PRU-15 2022, Bahagian G kerajaan perpaduan pasca PRU-15, Bahagian H slogan “Malaysia Madani” dan Bahagian I ialah pilihan politik. Jumlah sampel yang diambil dalam kajian ini adalah daripada kawasan luar bandar dan bandar.

Selain daripada kaedah soal selidik, kajian ini juga turut menggunakan kaedah temu bual. Temu bual memerlukan informan dan penyelidik berinteraksi secara aktif. Temu bual dilakukan terhadap beberapa orang informan dari kalangan ahli politik sama ada BN/UMNO/MCA/MIC, PAS, BERSATU, PKR, AMANAH dan DAP. Temu bual ini dilakukan secara bersemuka sama ada di pejabat parti politik dan lain-lain tempat yang bersesuaian. Terdapat beberapa soalan temu bual yang disediakan bagi mendapatkan maklumat daripada informan. Antara soalan yang disediakan merangkumi kefahaman informan terhadap konsep politik, sektor ekonomi, faktor pola pengundian dan beberapa soalan politik.

Seterusnya, pemerhatian di lapangan turut dilakukan oleh pengkaji. Pengkaji melibatkan diri dengan masyarakat untuk memahami dengan jelas tentang isu kajian dalam kalangan masyarakat. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kedua-dua kaedah tersebut bagi mendapat maklumat tambahan dengan lebih jelas dan terperinci. Tempat pemerhatian dilakukan terutamanya di kawasan DUN Panchor yang melibatkan beberapa buah kampung iaitu Kemumin, Padang Tembak, Panji, Sering, Pulau Belanga dan Tapang.

Dalam kajian ini juga pengkaji menggunakan kaedah rujukan data statistik bagi mendapatkan maklumat data tambahan di kawasan kajian. Rujukan data statistik kaum, umur dan *score sheet* bagi keputusan PRU 2018 dan 2022 dilakukan untuk memperoleh data pengundian yang terbaharu dan lengkap. Rujukan ini dilakukan mengikut bahagian pilihan raya iaitu P.020 Parlimen Pengkalan Chepa dan N.07 DUN Panchor. Rujukan data *score sheet* adalah lengkap dan terperinci dari segi pola pengundian dengan jumlah undi di setiap Daerah Mengundi, undi awal dan undi biasa, pusat mengundi, parti dan calon.

Kajian ini juga menggunakan kaedah mengumpul data sekunder. Data sekunder ini merupakan data yang telah dikumpul dan direkodkan oleh pihak lain atau pengkaji lain. Pengumpulan data sekunder yang sedia ada ini tidak memerlukan pengkaji untuk berinteraksi dengan responden atau informan. Pengumpulan data sekunder dapat menjimatkan masa dan tenaga kerja yang tinggi berbanding pengumpulan data primer. Antara kaedah yang digunakan ialah kajian kepustakaan dan kajian atas talian.

Data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). SPSS adalah pakej perisian komputer yang digunakan untuk memproses dan menganalisis data penyelidikan khususnya penyelidikan sosial. SPSS dapat menampung penganalisisan data yang banyak dan berulang dengan cepat dan cekap. Pengkaji menggunakan SPSS untuk analisis data soal selidik yang disokong dengan maklumat temu bual, data statistik, maklumat sekunder untuk mengukuhkan dapatan kajian supaya mencapai standard kajian akademik/ilmiah.


3.2 Kawasan Kajian

3.2.1 Negeri Kelantan Darul Naim

Kelantan dikenali sebagai negeri Cik Siti Wan Kembang merupakan salah satu negeri yang berada di Semenanjung Malaysia yang terletak di Timur Malaysia bersempadan dengan Thailand di sebelah utara, Negeri Terengganu di sebelah Timur berhadapan dengan Laut China Selatan, Negeri Pahang di sebelah Selatan dan Negeri Perak di sebelah Barat. Negeri ini berkeluasan 14,922 kilometer persegi. Mengikut bancian yang dibuat pada tahun 2020 bilangan penduduk Kelantan ialah seramai 1,837,904 orang. Jumlah ini dibahagikan kepada 10 jajahan dan 63 buah daerah yang terdapat di Negeri Kelantan iaitu Jajahan Bachok, Kota Bharu, Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Kuala Krai, Jeli, Tanah Merah dan Gua Musang (Lihat Rajah 1).

Terdapat satu teori mengatakan bahawa perkataan 'Kelantan' berasal daripada perkataan Melayu untuk pokok gelam iaitu 'Melaleuca leucadendron'. Terdapat teori lain yang mengatakan Kelantan berasal daripada perkataan India iaitu 'Kolaan Thana' yang bermaksud Tanah Kolaan. Istilah ini dikaitkan dengan lukisan atau gambar rajah dalam kuil Hindu yang menghiasi tanah pada zaman dahulu. Gelaran Darul Naim yang diberikan kepada Negeri Kelantan memberi maksud sebagai negeri yang menyenangkan. Perkataan 'Darul' berasal daripada bahasa Arab yang memberi maksud rumah atau kediaman manakala 'Naim' bermaksud menyenangkan.

Nama 'Darul Naim' ini dicadangkan oleh Mufti kerajaan negeri dalam State Council pada tahun 1916 dan mendapat perkenan Baginda Sultan Muhammad IV. Dahulunya, Negeri Kelantan dikenali dengan pelbagai nama. 'Medang Kamulan' merupakan nama negeri Kelantan pada ribuan tahun dahulu. Pada awal abad pertama Masihi, Kelantan diberi nama sebagai 'Medang Gana' dan nama ini digunapakai sehingga abad ke-5, seterusnya berubah kepada 'Katalana'. Catatan sejarah Dinasti Tang (618-907 M) pernah menyebut mengenai 'Ko-lo' yang dinyatakan sebagai tempat yang amat lama.



Rajah 1: Peta sempadan jajahan dan daerah di Negeri Kelantan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010

Dalam penulisan ensiklopedia Ma Tuan-Lin pernah menyatakan mengenai sebuah pelabuhan bernama 'Ku-lo' yang terletak di Tanah Melayu yang sering dilawati oleh pedagang China. Terdapat juga dalam penulisan China menyebut nama 'Ho-lan-tan' atau 'Kou-lo-tan' dan dikatakan terletak di selatan Siam yang dikelilingi laut di bahagian utara. Nama Negeri Kelantan bertukar kepada 'Raktamrittika' yang membawa maksud 'Negeri Tanah Merah' pada abad ke-6. Setelah itu, nama Kelantan sekali lagi berubah kepada 'Tanah Seri Indah Sekebun Bunga'.

Long Senik Mulut Merah menaiki takhta sebagai Sultan Muhammad II. Sultan Muhammad II membentuk Negeri Kelantan moden yang berpusat di kubu baru yang kemudiannya menjadi Kota Bharu. Kota Bharu telah dibuka dengan rasmi oleh Sultan Muhammad II sebagai ibu Negeri Kelantan bagi menggantikan Kota Saba yang tidak dapat dijadikan ibu negeri kerana selalu terancam kepada banjir. Kota Bharu telah mengalami proses yang pesat pembukaan kota itu dan menjadi tumpuan penduduk. Kota Bharu yang merupakan ibu Negeri Kelantan terletak kira-kira 10 kilometer dari Sungai Kelantan. Penduduk di Kelantan kebanyakannya menggunakan bahasa Melayu Kelantan.

Kelantan mempunyai tiga kawasan muka bumi yang merangkumi pesisir pantai iaitu bahagian hilir, kawasan ke arah pedalaman pula di bahagian dan kawasan pedalaman di bahagian hulu. Kawasan pesisir pantai terdapat dataran yang dikelilingi anak sungai yang sering mengalami proses pasang surut. Kawasan ke arah pedalaman merupakan kawasan mendatar atau tanah pamah yang luas kira-kira sejauh 10 batu hingga 25 batu meliputi tanah lapang yang subur. Kawasan pedalaman pula adalah di bahagian hulu yang terdiri daripada kawasan hutan, bukit bukau dan kawasan pergunungan. Kawasan ini terutamanya melibatkan Jajahan Gua Musang, Jeli dan Kuala Krai. Bentuk muka bumi yang berbukit bukau ini di antara Negeri Kelantan dengan Pahang, Perak, Terengganu dan juga di persempadanan Siam.

Negeri Kelantan mempunyai iklim tropika yang baik di mana hampir setiap tahun mengalami hujan yang berselang seli mengikut bulan tertentu. Iklim di Negeri Kelantan mempunyai suhu yang seragam, kelembapan yang tinggi dan hujan yang banyak. Keadaan langit yang tidak berawan jarang sekali berlaku walaupun pada musim kemarau. Corak tiupan angin pada amnya adalah lemah dan arah angin sentiasa berubah-ubah. Corak tiupan angin bermusim menentukan corak taburan hujan.

Kelantan yang merupakan kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia terdedah kepada beberapa tempoh hujan lebat berpanjangan semasa musim timur laut. Pada bulan November sehingga Januari merupakan musim timur laut yang mempunyai hujan maksimum manakala pada bulan Jun dan Julai merupakan bulan kering. Bagi taburan suhu, Kelantan mengalami suhu sekata sepanjang tahun dan mempunyai perbezaan tahunan suhu kurang daripada 3°C kerana kerap dipengaruhi oleh angin sejuk dari luar semasa Monsun Timur Laut. Kelembapan bandingan minimum berlaku pada bulan Mac manakala kelembapan bandingan maksimum lazimnya pada bulan November.

Jumlah penduduk Negeri Kelantan meningkat melebihi dua kali ganda dari 707.30 ribu orang pada tahun 1970 kepada 1.9 juta orang pada tahun 2020. Bilangan penduduk lelaki pada tahun 2020 ialah seramai 963.9 ribu orang manakala bilangan penduduk perempuan ialah 942.8 ribu orang. Penduduk mengikut kumpulan umur merangkumi kumpulan umur 0-14 tahun iaitu golongan muda dengan peratusan 29.6 peratus, kumpulan umur 15-64 tahun merupakan golongan bekerja mempunyai peratusan tertinggi iaitu 63.8 peratus dan kumpulan umur 65 tahun ke atas ialah 6.6 peratus. Kelantan antara negeri yang majoriti penduduknya berbangsa Melayu dan beragama Islam dengan peratusan tertinggi iaitu 96.0 peratus, etnik Cina pula ialah 3.1 peratus, India 0.3 peratus dan etnik lain ialah 0.6 peratus. Penduduk mengikut pekerjaan dibahagikan kepada dua iaitu pekerjaan bergaji dan bekerja sendiri di mana peratusan pekerjaan bergaji ialah 55.1 peratus manakala bekerja sendiri pula 21.3 peratus.

Dari segi ekonomi pula, Kelantan merupakan sebuah negeri pertanian. Ladang kelapa sawit, getah, dan tanaman padi banyak terdapat di Kelantan. Kebanyakan penduduk Negeri Kelantan bergiat dalam bidang pertanian, perniagaan dan kerja kerajaan. Penduduk yang tinggal di kawasan desa atau kampung lebih menumpukan kepada kegiatan pertanian seperti padi dan getah manakala penduduk yang tinggal di kawasan bandar pula menjalankan kegiatan perdagangan atau perniagaan di pasar dan menjaja. Pada awalnya, padi merupakan kegiatan ekonomi utama dan diikuti dengan penanaman getah dan kelapa sawit.

Selain daripada mempunyai tanah yang subur untuk tanaman padi, padi juga merupakan makanan asas bagi penduduk Negeri Kelantan. Antara kawasan tanaman padi yang utama ialah di Jajahan Kota Bharu, Bachok, Pasir Mas, Pasir Puteh dan Tumpat. Kelantan berupaya mengeksport beras setiap tahun hasil daripada penanaman padi. Pada awal abad ke-20, Kelantan merupakan salah sebuah negeri pengeksport beras di Tanah Melayu selepas Kedah dan Perlis. Guna tanah terbanyak di negeri Kelantan ialah dalam bidang pertanian. Selain daripada kegiatan pertanian, penduduk

Kelantan juga terlibat dalam aktiviti penangkapan ikan, perlombongan dan kesenian. Antara hasil eksport utama negeri Kelantan pada awal abad ke-20 ialah emas, kelapa, getah, tenunan sutera dan bahan makanan. Pergantungan yang tinggi terhadap sektor pertanian menyebabkan perkembangan ekonomi Kelantan agak perlahan.

Keadaan ekonomi Kelantan tetap berkembang setiap tahun dari pelbagai aspek. Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, Kelantan mencatatkan pertumbuhan nilai Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) yang baik pada tahun 2019 iaitu 5.3 peratus berbanding 2.6 peratus pada tahun sebelumnya. KDNK pada tahun 2019 ialah RM 25.4 bilion berbanding RM 24.1 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipengaruhi oleh sektor pertanian dan sektor pembinaan yang masing-masing merekodkan pertumbuhan sebanyak 6.5 peratus dan 18.1 peratus.


Seterusnya sektor perlombongan dan pengkuarian mencatatkan pertumbuhan sebanyak 1.3 peratus. Bagi sektor pembuatan pula bertumbuh sebanyak 1.5 peratus manakala sektor perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan 5.0 peratus. Dalam struktur ekonomi Kelantan, sektor perkhidmatan mendominasi ekonomi dengan sumbangan 69.1 peratus daripada jumlah keseluruhan KDNK Negeri Kelantan. Sektor Perkhidmatan kekal menjadi penyumbang terbesar kepada ekonomi Kelantan dengan nilai ditambah sebanyak RM17.5 bilion. Pertumbuhan sektor ini didorong oleh subsektor perdagangan borong dan runcit dengan sumbangan sebanyak 25.8 peratus kepada perkhidmatan Kelantan.

Negeri Kelantan juga turut dilengkapi dengan kemudahan sosial yang penting bagi menentukan kualiti hidup dan taraf pembangunan negeri. Kelantan dilengkapi dengan beberapa buah institusi pendidikan dan kesihatan. Menurut Jabatan Perangkaan, terdapat sebanyak 418 buah sekolah rendah dan 177 sekolah menengah manakala bagi sektor kesihatan terdapat 15 buah hospital dan 262 klinik kerajaan pada tahun 2020. Kemudahan institusi pendidikan dapat membantu meningkatkan kadar literasi penduduk dan pertambahan bilangan siswazah. Ketersediaan sektor kesihatan pula dapat meningkatkan kadar kelahiran dan mengurangkan kadar kematian serta meningkatkan jangka hayat penduduk. Dari segi keselamatan awam, terdapat 93 buah balai polis dan 21 buah balai bomba.

Kemudahan pengangkutan dan perhubungan juga turut disediakan bagi memudahkan mobiliti penduduk. Pembinaan rangkaian jalan raya di seluruh negara menyediakan ketersambungan dan keselesaan. Pengangkutan berfungsi untuk memindahkan manusia atau barangan dari satu tempat ke tempat yang lain. Sistem pengangkutan dibentuk apabila wujudnya jaringan jalan raya dan pengangkutan yang seterusnya membentuk pergerakan yang berlaku dalam sesuatu ruang.

Negeri Kelantan mempunyai 14 buah Parlimen. Dalam konteks politik pilihan raya, Negeri Kelantan dibahagikan kepada 14 buah Parlimen yang bermula dari kod kawasan P.019 Tumpat, P.020 Pengkalan Chepa, P.021 Kota Bharu, P.022 Pasir Mas, P.023 Rantau Panjang, P.024 Kubang Kerian, P.025 Bachok, P.026 Ketereh, P.027 Tanah Merah, P.028 Pasir Puteh, P.029 Machang, P.030 Jeli, P.031 Kuala Krai dan P.032 Gua Musang (Lihat Rajah 2).

Berikutnya bagi kawasan DUN pula, Kelantan mempunyai 45 kawasan DUN iaitu N.01 Pengkalan Kubor, N.02 Kelaboran, N.03 Pasir Pekan, N.04 Wakaf Bharu, N.05 Kijang, N.06 Chempaka, N.07 Panchor, N.08 Tanjong Mas, N.09 Kota Lama, N.10 Bunut Payong, N.11 Tendong, N.12 Pengkalan Pasir, N.13 Chetok, N.14 Menanti, N.15 Gual Periok, N.16 Apam Putra (dahulu dipanggil DUN Bukit Tuku), N.17 Salor, N.18 Pasir Tumboh, N.19 Demit, N.20 Tawang, N.21 Pantai Irama (dahulu dipanggil DUN Perupok), N.22 Jelawat, N.23 Melor, N.24 Kadok, N.25 Kok Lanas, N.26 Bukit Panau, N.27 Gual Ipoh, N.28 Kemahang, N.29 Selising, N.30 Limbongan, N.31 Semerak, N.32 Gaal, N.33 Pulai Chondong, N.34 Temangan, N.35 Kemuning, N.36 Bukit Bunga, N.37 Air Lanas, N.38 Kuala Balah, N.39 Mengkebang, N.40 Guchil, N.41 Manek Urai, N.42 Dabong, N.43 Nenggiri, N.44 Paloh dan N.45 Galas.



Rajah 2: Peta kawasan Parlimen dan DUN di Negeri Kelantan

Sumber: Diubahsuai daripada SPR, 2022

Dari segi sejarah politik dan pemerintahan Kelantan hanya melibatkan Parti Islam Semalaysia dan Barisan Nasional. Dua parti terbesar Melayu-Islam inilah yang mendominasi fahaman dan pegangan politik rakyat Kelantan. Kelantan telah diperintah oleh Parti Islam Semalaysia sejak 1990. Negeri Kelantan telah berada di bawah pemerintahan PAS dalam dua tempoh yang lama. Tempoh pemerintahan pertama bermula dua tahun selepas kemerdekaan selama 18 tahun dan yang kedua pada tahun 1990 sehingga kini. Barisan Nasional pula memerintah Kelantan kira-kira selama 12 tahun iaitu pada 1978 sehingga 1990. Kewujudan PAS adalah atas kesedaran perjuangan Islam untuk menuntut kemerdekaan daripada penjajah. Secara amnya, PAS adalah parti politik yang

memperjuangkan Islam merangkumi aspek politik, ekonomi, pentadbiran, perundangan dan kehakiman yang digerakkan oleh ulama. Persaingan antara dua parti di Kelantan iaitu PAS dan UMNO tertumpu kepada semangat kepartian kerana majoriti rakyat Kelantan adalah beragama Islam dan berketurunan Melayu.


Dari PRU 1990 ke PRU 2013, ramai pengundi Kelantan mengundi parti PAS secara berterusan. Pada tahun 1955 hingga 1959, Kelantan diperintah oleh Kerajaan Perikatan, tahun 1959 hingga 1974 diperintah oleh Kerajaan PAS, tahun 1974 hingga 1976 (Kerajaan campuran PAS dan BN), tahun 1976 hingga 1978 (Kerajaan PAS), tahun 1978 hingga 1990 (Kerajaan BN), tahun 1990 hingga 1995 (Kerajaan Angkatan Perpaduan Ummah 'APU' dan PAS) dan tahun 1995 sehingga sekarang (2023) (Kerajaan PAS). Terdapat sekurang-kurangnya 14 kawasan DUN dan 4 kawasan Parlimen yang merupakan kubu kuat PAS di Kelantan. Pada PRU 2004, UMNO mencatat kemenangan yang besar kerana berlaku pertukaran pemimpin BN di peringkat persekutuan. UMNO Kelantan telah memenangi 9 kerusi iaitu Parlimen Gua Musang, Kuala Krai, Machang, Bachok, Kota Bharu, Tanah Merah, Jeli, Pasir Putih dan Ketereh.

Pada PRU 2018, antara parti yang bertanding ialah BN, PH dan PAS. BN telah memenangi sebanyak 5 kerusi Parlimen dan 8 kerusi DUN manakala PAS memenangi 9 kerusi Parlimen dan 37 kerusi DUN. Kawasan yang dimenangi oleh BN ialah Ketereh, Tanah Merah, Machang, Jeli dan Gua Musang manakala Tumpat, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Pasir Mas, Rantau Panjang, Kubang Kerian, Bachok, Pasir Putih dan Kuala Krai dimenangi oleh PAS.

Pada PRU 2022, parti utama yang bertanding ialah PH, PN dan BN. PH mendapat bilangan undi sebanyak 87,293 orang, BN pula mendapat undi 265,666 orang dan PN mendapat undi sebanyak 631,201 orang. Kesemua 14 kerusi yang dipertandingkan dimenangi oleh PN. PRU-15 (2022) menyaksikan Perikatan Nasional (PN) yang ditandingi calon PAS dan BERSATU telah memenangi kesemua 14 kerusi Parlimen yang telah dipertandingkan di Negeri Kelantan. Rajah 3 menunjukkan peta keputusan PRU-15 bagi 14 buah Parlimen yang telah dipertandingkan di Negeri Kelantan yang kesemuanya telah dimenangi oleh calon PN yang menggunakan logo PAS.

Calon PAS bagi kerusi Parlimen yang menggunakan logo PAS yang menang dalam PRU 2022 adalah di kawasan Parlimen Tumpat (Dato' Hajjah Mumtaz Md. Nawwi), Pengkalan Chepa (Datuk Ahmad Marzuk Shaary), Kota Bharu (Dato' Takiyuddin Hassan), Pasir Mas (Ahmad Fadli Shaari), Rantau Panjang (Dato' Hajjah Siti Zailah Mohd Yusoff), Ketereh (Mejar Jeneral (B) Dato' Khliir Mohd Nor), Bachok (Mohd Syahir Che Sulaiman), Kubang Kerian (Dato' Seri Tuan Ibrahim Tuan Man), Pasir Puteh (Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi Salleh), Kuala Krai (Abdul Latiff Abdul Rahman) dan Gua Musang (Mohd Azizi Abu Naim). Calon BERSATU bagi kerusi Parlimen yang menggunakan logo PAS yang menang dalam PRU 2022 pula adalah di kawasan Parlimen Jeli (Zahari Kechik), Tanah Merah (Dato' Sri Hj. Ikmal Hisyam Abdul Aziz) dan Machang (Wan Ahmad Fayshal Wan Ahmad Kamal).

Pada PRU 2022, tiada pertandingan untuk kerusi DUN Kelantan kerana DUN Kelantan tidak dibubarkan bersama dengan Parlimen Malaysia. Ini kerana DUN Kelantan (tamat tempoh 5 tahun pada 28 Jun 2023) bersama dengan DUN yang dikuasai parti pembangkang yang lain iaitu PH yang merangkumi DUN Terengganu (tamat tempoh 5 tahun pada 30 Jun 2023), DUN Kedah (tamat tempoh 5 tahun pada 4 Julai 2023), DUN Selangor (tamat tempoh 5 tahun pada 26 Jun 2023), DUN Pulau Pinang (2 Ogos 2023) dan DUN Negeri Sembilan (tamat tempoh 5 tahun pada 2 Julai 2023) juga tidak dibubarkan bersekali dengan Parlimen Malaysia pada 10 Oktober 2022 atas alasan faktor cuaca hujan/tengkujuh pada hujung tahun di negeri Pantai Timur dan juga ingin menamatkan lengkap tempoh penuh 5 tahun penggal DUN keenam-enam negeri tersebut pada sekitar antara Jun hingga Julai 2023. Oleh itu, keputusan PRU DUN Kelantan yang terkini yang dipaparkan dalam Bab ini menggunakan keputusan PRU-14 (2018) sebagai PRU DUN terkini.




Rajah 3: Peta taburan geografi kerusi Parlimen yang dimenangi parti politik dalam PRU-15, 2022 di Negeri Kelantan Darul Naim

Sumber: Diubahsuai daripada SPR, 2022

Rajah 4 menunjukkan keputusan PRU-14 (2018) yang telah dimenangi oleh PAS dan BN yang bertanding di keseluruhan DUN di Negeri Kelantan. Mengikut keputusan PRU-14 Kelantan pada peringkat DUN, dapat dilihat bahawa majoriti kerusi DUN Kelantan yang berada di bahagian selatan Kelantan dimenangi oleh BN dengan kedudukan lapan buah kerusi DUN, manakala di bahagian utara Selatan pula dimenangi oleh PAS dengan kedudukan kerusi DUN iaitu 37 kerusi.

Daripada keseluruhan keputusan kerusi DUN yang dipertandingkan dalam PRU-14, keputusan ini telah menentukan kemenangan PAS dengan sejurus itu kekal memerintah Kelantan buat penggal ke-14 ini.

Pada PRU-14, 2018, bagi peringkat DUN, Negeri Kelantan mempunyai 45 buah kawasan DUN yang telah dipertandingkan pada PRU-14 iaitu 37 daripada 45 kerusi DUN yang telah dipertandingkan dimenangi oleh PAS, manakala lapan kerusi yang selebihnya dimenangi oleh UMNO-BN. Kerusi DUN yang dimenangi oleh PAS ialah N.01 Pengkalan Kubor (Wan Roslan Wan Hamat), N.02 Kelaboran (Mohd Adanan Hassan), N.03 Pasir Pekan (Datuk Ahmad Yakob), N.04 Wakaf Bharu (Mohd Rusli Abdullah), N.05 Kijang (Dr. Izani Husin), N.06 Chempaka (Ahmad Fathan Mahmood), N.07 Panchor (Datuk Mohd Amar Abdullah), N.08 Tanjong Mas (Rohani Ibrahim), N.09 Kota Lama (Tan Teng Loon@Datuk Anuar Tan), N.10 Bunut Payong (Datuk Dr. Ramli Mamat), N.11 Tendong (Rozi Muhamad), N.12 Pengkalan Pasir (Datuk Hanifa Ahmad), N.13 Chetok (Zuraidin Abdullah) dan N.14 Menanti (Datuk Mohd Nassuruddin Daud).



Rajah 4: Peta taburan geografi kerusi DUN yang dimenangi parti politik dalam PRU-14, 2018 di Negeri Kelantan Darul Naim

Sumber: Diubahsuai daripada SPR, 2018

Kerusi DUN seterusnya yang dimenangi PAS adalah di N.15 Gual Periok (Datuk Mohamad Awang), N.16 Apam Putra (Abdul Rasul Mohamed), N.17 Salor (Saiful Adli Abd Bakar), N.18 Pasir Tumboh (Abdul Rahman Yunus), N.19 Demit (Mumtaz Md. Naw), N.20 Tawang (Datuk Hassan Mohamood), N.21 Pantai Irama (Mohd. Huzaimy Che Husin), N.22 Jelawat (Abdul Azziz Kadir), N.23 Melor (Dr. Md. Yusnan Yusof), N.24 Kadok (Azami Mohd Nor), N.26 Bukit Panau (Datuk Abdul Fattah Mahmood), N.28 Kemahang (Datuk Md. Anizam Ab. Rahman), N.29 Selising (Tuan Mohd. Sharipudin Tuan), N.30 Limbongan (Mohd. Nazlan Mohamed), N.31 Semerak (Wan Hassan Wan Ibrahim), N.32 Gaal (Mohd Rozi Ja'afar), N.33 Pulau Chondong (Azhar Salleh), N.34 Temangan (Datuk Dr. Mohamed Fadzli Hassan), N.35 Kemuning (Mohd. Roseli Ismail), N.39 Mengkebang (Muhammad Mat Sulaiman), N.40 Guchil (Hilmi Abdullah), N.41 Manek Urai (Mohd. Fauzi Abdullah), dan N.42 Dabong (Ku Mohd Zaki Ku Hussin).

Lapan kerusi DUN yang dimenangi oleh UMNO-BN pula ialah N.25 Kok Lanas (Datuk Md. Alwi Che Ahmad) dengan majoriti 1,122 undi, N.27 Gual Ipoh (Bakri@Mohd. Bakri Mustapha) dengan majoriti 1,415 undi, N.36 Bukit Bunga (Datuk Mohd. Adhan Kechik) dengan majoriti 1,081 undi, N.37 Air Lanas (Datuk Seri Mustapa Mohamed) dengan majoriti 359 undi, N.38 Kuala Balah (Datuk Abdul Aziz Derashid) dengan majoriti 878 undi, N.43 Nenggiri (Ab. Aziz Yusoff) dengan majoriti 461 undi, N.44 Paloh (Amran Arifin) dengan majoriti 1,439 undi dan N.45 Galas (Mohd. Syahbuddin Hashim) dengan majoriti 1,738 undi.

Daripada keseluruhan 45 kerusi DUN yang dipertandingkan pada PRU 2018, PAS memenangi 37 kerusi, BN memenangi 8 kerusi manakala PH gagal mendapatkan sebarang kerusi. DUN Kok Lanas, Gual Ipoh, Bukit Bunga, Air Lanas, Kuala Balah, Nenggiri, Paloh dan Galas merupakan DUN yang dimenangi oleh BN.

3.2.2 *Parlimen Pengkalan Chepa*

Pengkalan Chepa merupakan sebuah subbandar yang terletak di kawasan Kemumin di daerah Kota Bharu. Pengkalan Chepa terkenal dengan hub penerbangan kedua tersibuk di Malaysia. Lapangan terbang yang terdapat di Pengkalan Chepa ialah Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra. Institusi pendidikan dan kawasan perindustrian juga terdapat di Pengkalan Chepa. Pengkalan Chepa juga dikenali sebagai tempat pendaratan Tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua iaitu di Pulau Pak Amat dan Pantai Sabak. Pengkalan Chepa terletak kira-kira 8 kilometer dari Kota Bharu. Sejarah kewujudan Pengkalan Chepa dipercayai berasal daripada satu peristiwa. Kerajaan Jemmal merupakan kerajaan yang memerintah di Hilir Kelantan yang diasaskan oleh Keturunan Raja Champa. Negeri Champa telah menentang penjajahan Vietnam dari utara. Perbezaan budaya yang ketara antara Vietnam dan Champa dimana Vietnam lebih mengikuti budaya China dan Champa pula ke arah budaya Melayu sehingga mereka digelar Melayu Champa. Disebabkan banyak kota di Champa ditakluki oleh Vietnam, masyarakat Champa berhijrah beramai-ramai ke Kelantan dan terbinanya pangkalan dan pelabuhan yang diberi nama Pengkalan Champa atau dikenali sebagai Pengkalan Chepa.

Peperangan di wilayah Champa merupakan satu 'genocide' atau 'ethnic cleansing' orang Champa oleh bangsa Vietnam. Kebanyakan mereka melarikan diri ke Nusantara yang digelar Tanah Melayu. Terdapat juga orang Kelantan menyatakan bahawa asal usul nama Pengkalan Chepa berasal daripada seorang penduduk tua yang berpengaruh tinggal di kawasan tersebut yang bernama Che' Pa. Perkataan Chepa berasal daripada perkataan Champa. Orang Kelantan mempunyai dialek bahasanya yang tersendiri dimana mereka tidak boleh menyebut perkataan 'cham'. Oleh itu wujudlah perkataan 'chepa' dalam masyarakat tempatan. Bunyi bahasa dikatakan sentiasa berubah. Perkara ini dapat dilihat bahawa 50 tahun yang lepas sesuatu perkataan mempunyai bunyi yang tidak

sama seperti sekarang. Contohnya, perkataan empat dimana pada 50 tahun dahulu ia disebut sebagai 'ampat'.


Pengkalan Chepa mempunyai bentuk muka bumi yang merangkumi pesisir pantai yang merupakan bahagian hilir Kelantan. Kawasan pesisir pantai terdapat dataran yang dikelilingi anak sungai yang sering mengalami proses pasang surut. Pengkalan Chepa merupakan kawasan mendatar atau tanah pamah yang meliputi tanah lapang yang subur. Dari segi iklim, Pengkalan Chepa mempunyai suhu yang seragam, kelembapan yang tinggi dan hujan yang banyak. Pengkalan Chepa juga terdedah kepada beberapa tempoh hujan lebat berpanjangan semasa musim timur laut.

Jumlah penduduk Pengkalan Chepa pada tahun 2022 mencatatkan seramai 159,674 orang. Bilangan warganegara ialah seramai 156,186 orang manakala bukan warganegara ialah 3,488 orang. Bilangan penduduk lelaki pada tahun 2022 ialah seramai 80,105 orang dan penduduk perempuan ialah 79,569 orang. Penduduk mengikut kelas umur pula melibatkan kumpulan umur 14 tahun kebawah dengan peratusan sebanyak 26.5, bagi umur 15 tahun hingga 64 tahun (67.8 peratus) dan 65 tahun ke atas (5.7 peratus). Majoriti penduduk Pengkalan Chepa merupakan bumiputera yang mencatat peratusan tertinggi iaitu 97.29 peratus, etnik Cina pula mencatat sebanyak 2.10 peratus, India ialah 0.32 peratus dan lain-lain 0.29 peratus.

Dari segi ekonomi, Pengkalan Chepa mempunyai ekonomi yang pesat. Terdapat kawasan perindustrian di kawasan Pengkalan Chepa. Antara industri yang terlibat ialah tekstil, percetakan dan penerbitan, jentera dan peralatan, logam fabrik dan produk elektrik dan elektronik. Sektor perkhidmatan merupakan sektor utama yang memberi sumbangan pertumbuhan ekonomi. Subsektor perkhidmatan melibatkan utiliti, pengangkutan, kewangan dan insurans, penginapan dan perdagangan borong dan runcit. Antara penyumbang utama pertumbuhan bagi setiap subsektor perkhidmatan ialah borong dan runcit, perkhidmatan komunikasi, perkhidmatan makanan dan minuman dan pengangkutan udara.

Pengkalan Chepa juga turut dilengkapi dengan kemudahan sosial yang penting bagi menentukan kualiti hidup dan taraf pembangunan negeri. Kawasan Pengkalan Chepa dilengkapi dengan beberapa buah institusi pendidikan dan kesihatan. Terdapat beberapa sekolah rendah dan menengah serta institusi pengajian tinggi juga ditubuhkan iaitu Universiti Malaysia Kelantan. Terdapat juga beberapa klinik kesihatan kerajaan dan swasta. Kemudahan pengangkutan dan perhubungan juga turut disediakan bagi memudahkan mobiliti penduduk. Pengkalan Chepa yang merupakan kawasan penerbangan utama memerlukan rangkaian jalan raya yang cekap bagi memudahkan masyarakat setempat atau pelancong untuk bergerak.

Mengikut persempadanan dalam pilihan raya, Pengkalan Chepa ialah sebuah kawasan persekutuan di Kelantan, Malaysia yang mempunyai wakil di Dewan Rakyat dengan kod P020 (Lihat Rajah 5). Parlimen Pengkalan Chepa berkeluasan 85 km persegi dan mempunyai jumlah pengundi 106,982 orang sehingga PRU-15 (2022). Dari segi komposisi etnik, terdapat 96.95 peratus etnik Melayu, 1.84 peratus etnik Cina, 0.12 peratus etnik India dan 1.09 peratus etnik lain di kawasan Parlimen Pengkalan Chepa ini.



Rajah 5: Peta Kawasan/Bahagian Pilihan Raya Parlimen P020 Pengkalen Chepa, Kelantan

Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta P.023 Rantau Panjang, SPR, 2022

Parlimen Pengkalen Chepa merupakan salah satu parlimen daripada 14 parlimen yang terdapat di Kelantan. Ahmad Marzuk Shaary merupakan ahli Parlimen Pengkalen Chepa. Beliau merupakan ahli jawatankuasa PAS Pusat. Pada PRU 2018, Parlimen P020 Pengkalen Chepa telah dimenangi oleh PAS yang memperoleh 32,592 undi seterusnya menang dengan majoriti 13,232 undi. Undian bagi BN/UMNO pula sebanyak 19,360 undi manakala bagi PH ialah 7,435 undi.

Pada PRU-15, 2022, calon Perikatan Nasional (PN) daripada PAS iaitu Dato' Ahmad Marzuk Shaary berjaya menewaskan 4 calon dengan memperoleh 53,933 undi dan majoriti 38,270 undi. Calon BN/UMNO iaitu Mohd Hafiezulniezam Mohd Hasdin mendapat 15,663 undi, calon PH/AMANAH iaitu Nik Faizah Nik Othman mendapat 7,356 undi, calon PEJUANG iaitu Wan Ahmad Nasri Wan Ismail hanya mendapat 358 undi dan calon Bebas iaitu Mohamad Redzuan Razali juga hanya mendapat 451 undi. Undi rosak adalah 630 undi manakala peratus keluar mengundi adalah 73.5 peratus.

3.2.3 Kawasan DUN Panchor

Panchor merupakan sebuah kampung yang terletak di Kota Bharu, Kelantan. Panchor merupakan sebuah bahagian pilihan raya DUN. Kawasan DUN Panchor mempunyai bentuk muka bumi yang mendatar atau tanah pamah meliputi tanah lapang yang subur. Kampung Panchor juga berdekatan dengan pesisir pantai yang merupakan bahagian hilir Kelantan. Kawasan pesisir pantai terdapat dataran yang dikelilingi anak sungai yang sering mengalami proses pasang surut.

Jumlah penduduk di kawasan DUN Panchor berdasarkan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 iaitu seramai 75,940 orang. Bilangan warganegara di DUN Panchor ialah 74,607

orang manakala bukan warganegara pula ialah 1,333. Bilangan penduduk lelaki ialah 39,054 orang bersamaan 51.4 peratus manakala penduduk perempuan ialah 36,886 orang bersamaan 48.6 peratus. Penduduk mengikut kumpulan umur pula melibatkan kumpulan umur 14 tahun kebawah dengan 27.7 peratus, bagi umur 15 tahun hingga 64 tahun (67.3 peratus) dan 65 tahun ke atas (5.1 peratus).


Panchor merupakan sebuah bahagian pilihan raya negeri di Kelantan, Malaysia yang mempunyai wakil di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan dengan kod N07 (Lihat Rajah 6). DUN Panchor berkeluasan 31 km persegi dan mempunyai jumlah pengundi 28,509 orang sehingga PRU-14 (2018). Dari segi komposisi etnik, terdapat 97.75 peratus etnik Melayu, 1.48 peratus etnik Cina, 0.21 peratus etnik India dan 0.29 peratus etnik lain di kawasan DUN Panchor ini.

Dari segi ekonomi, kawasan DUN Panchor terlibat dalam aktiviti ekonomi pertanian, ternakan, perikanan, pembuatan, pembinaan dan perkhidmatan. Sektor perkhidmatan merupakan penyumbang utama bagi pertumbuhan ekonomi kira-kira terdapat sebanyak 1,474 perkhidmatan dan diikuti dengan sektor pembuatan yang merupakan penyumbang kedua tertinggi dengan bilangan sebanyak 176 sektor. Ini dapat dikaitkan dengan kewujudan kawasan perindustrian di kawasan DUN Panchor. Sektor perkhidmatan pula melibatkan perdagangan borong dan runcit, perkhidmatan komunikasi, pengangkutan, utiliti dan perkhidmatan makanan dan minuman.

Kawasan DUN Panchor dilengkapi dengan pelbagai kemudahan sosial seperti institusi pendidikan, kesihatan dan keagamaan. Terdapat beberapa buah sekolah yang ditubuhkan bagi meningkatkan literasi penduduk. Institusi kesihatan juga ditubuhkan bagi menjaga kesihatan penduduk dan dapat meningkatkan kadar kelahiran dan mengurangkan kadar kematian serta meningkatkan jangka hayat penduduk. Kawasan DUN Panchor juga dilengkapi dengan balai polis bagi menjaga keselamatan awam.

Dari segi politik, kawasan DUN Panchor mula dipertandingkan pada tahun 1995 dan memberi mandat kepada seorang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) mengikut sistem undian terbanyak. Pada tahun 1995 hingga 2004, Mohd Yusoff Ludin merupakan ADUN di DUN Panchor. Seterusnya tahun 2004 hingga kini, ADUN Panchor ialah Mohd Amar Abdullah. Selain menjadi anggota EXCO Kerajaan Negeri (2004-2013), Mohd Amar Abdullah juga merupakan sebagai Timbalan Menteri Besar Kelantan. Pada PRU 2018, DUN N07 Panchor telah dimenangi oleh PAS dengan undian terbanyak iaitu 13,597 undi manakala bilangan undi BN ialah 6,309 undi dan PH ialah 2,394 undi. Kawasan DUN Panchor masih berada di bawah penguasaan PAS berwakilkan Mohd Amar Abdullah.

Kajian ini dilakukan di kawasan DUN (N.07) Panchor, Pengkalan Chepa yang merupakan salah satu DUN yang terletak dalam Parlimen Pengkalan Chepa P.020 manakala dua lagi DUN ialah DUN Chempaka dan DUN Kijang. Kawasan ini mempunyai jumlah bilangan pengundi seramai 20,497 orang. Kawasan kajian ini dipilih untuk dikaji kerana masih kurang penyelidikan mengenai kawasan DUN Panchor. Oleh itu pengkaji memilih untuk membuat kajian di kawasan DUN Panchor bertujuan menambah penyelidikan kepada pembaca sebagai pengetahuan.



Rajah 6: Peta kawasan DUN Panchor, Pengkalan Chepa, Kelantan

Sumber: Diubahsuai daripada Pelan Warta P.020 Pengkalan Chepa, SPR, 2022

4. Hasil Kajian Dan Perbincangan

Dapatan kajian ini diperoleh menerusi kaedah kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif kajian mengenai impak geopolitik terhadap pembangunan ekonomi di kawasan DUN Panchor, Pengkalan Chepa, Kelantan. Dapatan kajian ini dianalisis dengan huraian deskriptif bagi mencapai keputusan terhadap objektif kajian yang telah digariskan. Setiap objektif yang telah digariskan adalah penting dalam mengkaji impak geopolitik terhadap pembangunan ekonomi di kawasan kajian.

4.1 *Tahap Pengetahuan dan Kefahaman Responden Terhadap Konsep Politik, Geopolitik dan Pembangunan Ekonomi di Kawasan DUN Panchor*

4.1.1 *Pengetahuan mengenai konsep Politik, Geopolitik dan Pembangunan Ekonomi*

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji ekonomi di kawasan DUN Panchor kerana kawasan tersebut berkembang pesat dari pelbagai sektor ekonomi. Pengaruh kuasa politik pada ruang geografi dapat dilihat dari segi pembangunan ekonomi di sesuatu kawasan. Menerusi tajuk yang dikaji iaitu geopolitik memberi impak terhadap pembangunan ekonomi menjadi salah satu isu semasa dalam politik di Malaysia, senario ini dapat dijelaskan dengan lebih lanjut. Tahap pengetahuan dan kefahaman masyarakat setempat terhadap konsep politik, geopolitik dan pembangunan ekonomi juga turut dikaji.

Jadual 1: Pengetahuan mengenai konsep Politik, Geopolitik dan Pembangunan Ekonomi

Konsep	Tahu	Tidak tahu	Tidak pasti
Politik	78%	16%	6%
Geopolitik	34%	48%	16%
Pembangunan Ekonomi	70%	20%	8%

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 1 menunjukkan tahap pengetahuan masyarakat setempat mengenai konsep Politik, Geopolitik dan Pembangunan Ekonomi di kawasan kajian. Seramai 78 peratus responden yang tahu mengenai konsep Politik. Ini dapat dikatakan bahawa pengetahuan terhadap konsep politik agak meluas dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana politik merupakan satu perkara asas dalam sesebuah negara bahkan dalam sesebuah kumpulan. Aristotle pernah menyatakan bahawa politik adalah kecenderungan semula jadi dan tidak dapat dihindari manusia kerana wujud unsur atau elemen politik apabila seseorang individu atau kelompok cuba untuk menentukan kedudukan dalam organisasi mahupun masyarakat atau seseorang berusaha untuk mempengaruhi orang lain menerima pandangan mereka. Politik merupakan proses atau cara membuat keputusan untuk sesuatu kumpulan atau masyarakat. Tahap pengetahuan yang tinggi dalam kalangan responden mengenai konsep politik dapat dikaitkan dengan persekitaran yang sememangnya dikelilingi dengan kuasa politik serta kemudahan gajet dan internet untuk mencari maksud konsep politik.

Seterusnya, terdapat seramai 70 peratus responden yang mempunyai pengetahuan mengenai konsep Pembangunan Ekonomi. Pengetahuan mengenai konsep pembangunan ekonomi dalam kalangan responden menunjukkan peratusan yang agak tinggi. Ini bermakna masyarakat setempat tahu apa itu pembangunan ekonomi. Konsep pembangunan merupakan proses peralihan seperti peningkatan produktiviti, pengetahuan, keseimbangan ekonomi dan sosial dan perkembangan sikap yang lebih baik. Pembangunan ekonomi melibatkan pertumbuhan ekonomi, perkembangan yang berlaku secara beransur-ansur, kemajuan dan modenisasi. Tahap pengetahuan yang tinggi dalam kalangan responden mengenai konsep pembangunan ekonomi dapat dikaitkan dengan kewujudan dan perkembangan ekonomi di kawasan kajian dari masa ke masa menyebabkan masyarakat mengetahui mengenai pembangunan ekonomi tersebut.

Akhir sekali, pengetahuan mengenai konsep Geopolitik dalam kalangan responden adalah seramai 34 peratus. Hal ini kerana perkataan geopolitik tidak digunakan secara meluas dalam kalangan masyarakat menyebabkan ramai responden yang tidak mengetahui tentang maksud geopolitik. Dapat dijelaskan bahawa geopolitik bermaksud pengaruh kuasa politik terhadap sesuatu tempat. Geopolitik merupakan suatu sistem politik yang didorong oleh aspirasi nasional geografi sesebuah negara dan apabila dilaksanakan serta berhasil akan memberi kesan langsung kepada

sistem politik negara. Negara adalah tanah iaitu manusia tinggal diatasnya, dihubungkan dengan idea negara dan undang-undang asal dengan hubungan pembangunan untuk persekitaran asas.

4.1.2 Kefahaman mengenai konsep Politik, Geopolitik dan Pembangunan Ekonomi

Pengaruh kuasa politik pada ruang geografi dapat dilihat dari segi pembangunan ekonomi di sesuatu kawasan. Tahap kefahaman masyarakat setempat terhadap konsep Politik, Geopolitik dan Pembangunan Ekonomi merupakan salah satu perkara yang penting untuk dikaji.

Jadual 2: Kefahaman mengenai konsep Politik, Geopolitik dan Pembangunan Ekonomi

Konsep	Faham	Tidak faham	Tidak pasti
Politik	70%	18%	12%
Geopolitik	26%	54%	18%
Pembangunan Ekonomi	58%	26%	14%

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 2 menunjukkan tahap kefahaman masyarakat setempat terhadap konsep Politik, Geopolitik dan Pembangunan Ekonomi. Seramai 70 peratus responden faham tentang konsep Politik. Tahap kefahaman yang tinggi dalam kalangan responden menunjukkan bahawa masyarakat setempat terdedah kepada ilmu politik sama ada secara formal atau tidak formal.

Seterusnya, terdapat seramai 58 peratus responden yang memahami tentang konsep Pembangunan Ekonomi. Hal ini kerana pendedahan mengenai pembangunan ekonomi dapat dilihat secara langsung dalam kehidupan seharian masyarakat sama ada di kawasan sekitar atau dalam negara itu sendiri. Pembangunan ekonomi ini melibatkan pertumbuhan ekonomi, perkembangan yang berlaku secara beransur-ansur, kemajuan dan modenisasi.

Akhir sekali, sebanyak 26 peratus responden yang memahami konsep Geopolitik. Ini menunjukkan tahap kefahaman yang rendah dalam kalangan responden mengenai konsep geopolitik. Kebanyakan masyarakat hanya tahu mengenai politik namun tidak mengenai geopolitik. Geopolitik tidak diberi pendedahan mengenai makna dan penggunaannya. Oleh itu, ramai responden yang tidak memahami tentang konsep tersebut. Walaupun begitu, dapat dijelaskan bahawa geopolitik bermaksud pengaruh kuasa politik terhadap sesuatu tempat.

Menurut Che Aziz bin Che Omar (Pegawai Khas Dato' Cawangan UMNO DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

“Konsep politik menghala kepada tujuan pemerintahan negara iaitu halatuju negara kita. Kalau PAS ada cara tersendiri manakala BN pun ada caranya.”

“Konsep geopolitik pula adalah kawasan politik”

“Merujuk kepada semua pendapatan perkapita penduduk, tahap kehidupan rakyat dan lain-lain perkara yang merujuk ke arah pembangunan negara maju.”

(Che Aziz bin Che Omar 21 Mac 2023)

Menurut Siti Nurul Amira binti Kamarudin (Penolong Pegawai Tadbir Pusat Khidmat PAS DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

“Geopolitik mengenai muka bumi, mukim-mukim. Kalau dalam DUN Panchor ada sebelas mukim, tiga belas penghulu. Sebelas penghulu mukim dan dua penghulu tanpa mukim iaitu lelaki dan wanita. Mereka akan *cover* satu DUN. Terdapat sebelas mukim bermula dari Mukim Panchor, Mukim Tapang, Mukim Belukar, Mukim Kemumin, Mukim Pulau Belanga, Mukim Chicha Menyabung, Mukim Pengkalan Datu, Mukim Kota Jembal dan Mukim Senang. Semua sebelas mukim dan ada sebelas penghulu akan jaga di setiap mukim.”

“Pembangunan ekonomi biasanya ada yang kerajaan laksanakan. Kalau di DUN Panchor ada yang tersohor iaitu *floating market* di Pengkalan Datu dibawah pelaksanaan MPKB. Ini adalah di bawah kerajaan negeri tetapi berada di dalam DUN Panchor”

(Siti Nurul Amira binti Kamarudin 21 Mac 2023)

4.2 Jenis Pembangunan Ekonomi Yang Terdapat Di Kawasan Kajian

4.2.1 Jenis sektor ekonomi yang terdapat di kawasan responden

Ekonomi merupakan aspek yang perlu dijaga dan dibangunkan untuk memajukan kawasan dan menjamin kebajikan masyarakat. Perbezaan parti politik juga mungkin menjadi faktor kepada pembangunan ekonomi di sesuatu kawasan. Perbezaan pembangunan ekonomi turut berlaku kerana berlakunya perubahan pentadbiran kerajaan negeri. Jenis pembangunan ekonomi mungkin berbeza-beza mengikut kawasan DUN. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji jenis pembangunan ekonomi yang terdapat di kawasan kajian bagi memenuhi tiga objektif khusus kajian.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan menunjukkan terdapat kepelbagaian jenis sektor ekonomi di kawasan kajian sama ada dari sektor primer, sekunder atau tertier. Ketiga-tiga sektor tersebut mempunyai jenis ekonomi yang berlainan dan pelbagai di kawasan DUN Panchor. Berdasarkan hasil soal selidik menunjukkan kebanyakan responden menyatakan bahawa jenis ekonomi primer di kawasan DUN Panchor terdiri daripada sektor pertanian, penternakan dan perikanan. Hal ini dapat dikaitkan dengan negeri Kelantan yang merupakan negeri pertanian. Ladang kelapa sawit, getah, dan tanaman padi banyak terdapat di Kelantan. Kebanyakan penduduk Negeri Kelantan bergiat dalam bidang pertanian. Pada awalnya, padi merupakan kegiatan ekonomi utama dan diikuti dengan penanaman getah dan kelapa sawit. Bagi sektor perikanan pula dapat dikaitkan dengan bentuk muka bumi negeri Kelantan yang dikelilingi kawasan pantai. Oleh itu, kegiatan perikanan menjadi pilihan masyarakat untuk dijadikan sebagai sumber ekonomi. Kebanyakan kegiatan menternak di kawasan kajian hanya dilakukan dalam skala yang kecil iaitu menternak haiwan peliharaan sendiri seperti lembu, kambing, biri-biri dan kuda dengan tujuan ekonomi. Orang zaman dahulu kebiasaannya menjalankan ekonomi sara diri terutama dalam sektor primer dan ekonomi ini masih dijalankan sehingga sekarang.

Seterusnya, terdapat banyak jenis sektor ekonomi sekunder di kawasan kajian yang dinyatakan berdasarkan hasil daripada soal selidik. Kebanyakan responden menyatakan bahawa sektor ekonomi sekunder terdiri daripada perniagaan, perkilangan, makanan, pemprosesan, pembinaan, pembuatan secara fizikal, pakaian, kenderaan, peralatan dan barangan. Sektor ekonomi sekunder banyak yang ditawarkan di kawasan kajian. Hal ini kerana ekonomi di kawasan DUN Panchor semakin pesat membangun. Pertambahan jumlah penduduk pula menjadi faktor kepada kepesatan sektor ekonomi sekunder. Terdapat juga kawasan perindustrian di DUN Panchor yang membawa kepada pertumbuhan ekonomi sekunder yang pesat. Jenis aktiviti ekonomi sekunder

melibatkan industri pemprosesan, industri pembuatan dan industri pembinaan. Antara ekonomi sekunder yang terdapat di kawasan kajian ialah industri pemprosesan iaitu kilang memproses kelapa sawit dan kilang pembuatan seperti kilang elektrik, elektronik, makanan, minuman dan fabrik.

Akhir sekali, berdasarkan kajian yang dilakukan menunjukkan ramai responden yang menyatakan bahawa sektor ekonomi tertier terdiri daripada penjagaan anak, keselamatan, pendidikan, kesihatan, perbengkelan, kecantikan, pertukangan, pembaikan dan penambahbaikan. Sektor perkhidmatan merupakan sektor terbesar kepada guna tenaga dalam negara dan begitu juga di kawasan kajian. DUN Panchor melibatkan sebelas buah mukim yang terdapat beberapa buah perkhidmatan pendidikan seperti Sekolah Kebangsaan Panji, Sekolah Menengah Kebangsaan Panji, Sekolah Menengah Ugama (SMU) Tarbiah Mardhiah, Sekolah Kebangsaan Tapang, Sekolah Menengah Kebangsaan Pengkalan Chepa (2), Maktab Rendah Sains Mara Pengkalan Chepa, Sekolah Kebangsaan Dato Hashim (1), Sekolah Kebangsaan Sering, Kolej Vokasional Pengkalan Chepa dan Institut Pendidikan Guru. Bagi sektor keselamatan pula terdapat beberapa buah institusi keselamatan seperti Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Bharu, Balai Bomba dan Penyelamat Pengkalan Chepa, Batalion 8 Pasukan Gerakan Am Pengkalan Chepa dan Batalion ke-21 Rejimen Askar Melayu Diraja Pengkalan Chepa. Sektor perkhidmatan lain seperti kesihatan, perbengkelan, penjagaan anak dan pertukangan juga banyak terdapat di kawasan kajian.

Menurut Che Aziz bin Che Omar (Pegawai Khas Dato' Cawangan UMNO DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

“Kalau ekonomi di kawasan DUN Panchor melibatkan semua seperti perikanan, perniagaan, perkilangan.”

(Che Aziz bin Che Omar 21 Mac 2023)

Menurut Siti Nurul Amira binti Kamarudin (Penolong Pegawai Tadbir Pusat Khidmat PAS DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

“Sektor ekonomi yang besar biasanya di kawasan ni kilang. Kilang di Padang Tembak. Kedua, contohnya di Padang Polo ada orang buat air tuak. Proses sendiri air tuak kemudian jual. Ada juga orang di kawasan Pengkalan Datu buat air tuak dan gula melaka, biasanya orang kampung. Ekonomi utama kat kawasan kilang seperti ROHM WAKO, I-Medikel dan lain-lain yang besar.”

(Siti Nurul Amira binti Kamarudin 21 Mac 2023)

4.2.2 Sektor ekonomi yang paling utama disertai rakyat di kawasan responden

Ekonomi merupakan aspek yang perlu dijaga dan dibangunkan untuk memajukan kawasan dan menjamin kebajikan masyarakat. Perbezaan parti politik juga mungkin menjadi faktor kepada pembangunan ekonomi di sesuatu kawasan. Perbezaan pembangunan ekonomi turut berlaku kerana berlakunya perubahan pentadbiran kerajaan negeri. Jenis pembangunan ekonomi mungkin berbeza-beza mengikut kawasan DUN. Oleh itu, kajian ini turut mengkaji jenis pembangunan ekonomi yang terdapat di kawasan kajian dan sektor ekonomi manakah yang menjadi pilihan rakyat.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan menunjukkan seramai 60 peratus responden menyertai sektor ekonomi sekunder di kawasan kajian. Ini kerana sektor ekonomi sekunder semakin berkembang dan menyediakan peluang pekerjaan yang luas kepada rakyat. Rakyat merebut peluang

untuk bekerja di sektor industri. Seterusnya, terdapat seramai 30 peratus responden yang memilih ekonomi tertier untuk disertai di kawasan kajian. Peratusan bagi sektor ekonomi primer pula mencatat sebanyak 10 peratus. Pilihan responden untuk menyertai sektor ekonomi sekunder adalah kerana sektor tersebut banyak menawarkan peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Antara faktor utama responden memilih sektor ekonomi sekunder sebagai sektor ekonomi yang paling disertai rakyat di kawasan kajian ialah disebabkan oleh kewujudan kawasan industri. Pembangunan kawasan industri di kawasan kajian menyebabkan rakyat memilih untuk bekerja dalam sektor industri. Terdapat industri berskala besar di kawasan kajian terutamanya kilang ROHM WAKO Electronics lazimnya menggunakan tenaga buruh tempatan dengan kos yang rendah. Kerajaan negeri mempunyai hubungan dua hala yang baik dengan syarikat Jepun menyebabkan kilang tersebut terus menetap di DUN Panchor. Tambahan lagi, bangunan baru sedang dalam pembinaan merupakan satu berita baik buat masyarakat setempat kerana kilang tersebut akan membuka peluang pekerjaan kepada 3,000 rakyat tempatan apabila kilang mula beroperasi.

Selain itu, responden juga menyatakan bahawa pilihan sektor sekunder untuk disertai adalah kerana ramai penduduk setempat terlibat dalam bidang perniagaan. Kebanyakannya penduduk menjalankan kegiatan perniagaan secara kecil-kecilan. Antara perniagaan yang dijalankan ialah peruncitan, pakaian dan makanan dan minuman. Terdapat juga perniagaan di pasar yang dijalankan oleh penduduk setempat. Hal ini dapat dikaitkan dengan rakyat Kelantan sememangnya gemar berniaga dalam apa jua bidang perniagaan. Perkara ini juga dapat dikatakan sebagai satu budaya orang Kelantan yang diwarisi dari generasi ke generasi akan datang.

Bagi sektor ekonomi primer pula, responden mengatakan bahawa masih terdapat rakyat yang menjalani sektor tersebut terutamanya pertanian. Terdapat juga responden yang mengatakan bahawa rakyat menjalani sektor ekonomi primer atas faktor kawasan luar bandar. Ini bermakna kawasan tersebut masih tidak membangun dengan baik dan kawasan luar bandar lebih sesuai untuk menjalankan sektor ekonomi primer. Di kawasan Mukim Pengkalan Datu masih ada penduduk yang menjalankan aktiviti ekonomi primer secara kecil-kecilan. Pengekalan kegiatan ekonomi primer ini juga dapat dikaitkan dengan budaya di kawasan luar bandar yang diwarisi sejak dahulu.

4.3 Pengaruh Geopolitik Terhadap Pembangunan Ekonomi Di Kawasan Kajian

4.3.1 Kefahaman responden terhadap maksud 'Pengaruh geopolitik terhadap pembangunan ekonomi'

Kajian ini dilakukan mengenai pengaruh geopolitik terhadap pembangunan ekonomi di kawasan DUN Panchor, Pengkalan Chepa, Kelantan. Pemerintahan sesebuah kerajaan adalah tertakluk kepada sistem politik yang telah wujud. Oleh itu, Kerajaan Negeri memainkan peranan untuk menjamin kemajuan sesebuah kawasan. Bagi pembangunan negeri, golongan ahli politik atau wakil rakyat memainkan peranan dalam membangunkan ekonomi. Perbezaan pembangunan ekonomi turut berlaku kerana berlakunya perubahan pentadbiran Kerajaan Negeri. Justeru itu, adalah penting dalam kajian ini untuk mengkaji kefahaman responden terhadap maksud pengaruh geopolitik terhadap pembangunan ekonomi.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan menunjukkan sebanyak 70 peratus responden yang tidak faham mengenai maksud pengaruh geopolitik terhadap pembangunan ekonomi. Hal ini dapat dikatakan kerana responden kurang terdedah mengenai perkataan geopolitik itu sendiri. Perkataan geopolitik tidak digunakan dalam bahasa pertuturan seharian menyebabkan masyarakat tidak faham mengenai maksud tersebut. Oleh itu, ramai responden yang tidak memahami maksud pengaruh geopolitik terhadap pembangunan ekonomi. Walaupun begitu, persoalan seperti pengaruh kuasa

politik atau pengaruh pemimpin parti politik di sesebuah kawasan mempengaruhi pembangunan ekonomi lebih mudah untuk difahami oleh responden.

Pembangunan ekonomi dilihat sebagai satu komponen yang penting untuk memajukan negara dan rakyat. Kelantan yang merupakan negeri pertanian telah berkembang kepada sektor ekonomi yang lain. Pembukaan tanah juga banyak dilakukan demi menjaga ekonomi negeri. Adalah penting berlakunya pembangunan ekonomi di kawasan kajian. Kefahaman kalangan masyarakat dalam bidang politik adalah penting kerana mengetahui dan memahami politik semasa adalah satu tanggungjawab bagi setiap individu. Terdapat juga rakyat yang berpendapat bahawa tidak kira siapa yang memerintah asalkan negara aman. Tahap perkembangan ekonomi merupakan kesan yang ditentukan oleh pemimpin yang telah dipilih secara majoriti. Rakyat adalah cerminan pemimpin dimana pemimpin dapat mempengaruhi rakyat dan mengikuti amalan yang dilakukan oleh pemimpin. Begitu juga dengan ekonomi, dengan adanya politik yang bersih dan pemimpin yang cakna maka ekonomi dapat dikembangkan lagi dengan berbagai kaedah demi kepentingan rakyat.

Selain itu, terdapat juga responden yang memahami maksud pengaruh geopolitik terhadap pembangunan ekonomi. Berdasarkan soal selidik, seramai 30 peratus responden memahami maksud pengaruh geopolitik terhadap pembangunan ekonomi. Antara maksud yang diberikan oleh responden ialah parti pemerintah mempunyai kuasa terhadap kemajuan ekonomi di sesuatu kawasan, pengaruh kuasa politik terhadap perkembangan ekonomi dan pengaruh politik terhadap sesuatu keadaan di sesebuah kawasan. Ini bermakna segelintir penduduk setempat memahami maksud pengaruh geopolitik terhadap pembangunan ekonomi. Hal ini dapat dikaitkan dengan pendedahan kepada ilmu pengetahuan politik dalam kalangan masyarakat. Perkara ini selaras dengan kajian oleh Junaidi (2016) yang menyatakan bahawa akses sumber maklumat melalui pembacaan dan maklum balas terhadap sesuatu maklumat akan mempengaruhi pendirian seseorang sama ada bersikap percaya sepenuhnya ataupun menafikan maklumat yang diperoleh tersebut.

Kelantan pernah dipimpin oleh pelbagai kerajaan seperti PERIKATAN, PAS, Barisan Nasional dan kerajaan campuran iaitu PAS dan Barisan Nasional. Geopolitik merupakan pengaruh kuasa politik terhadap sesuatu kawasan dari segi etnik, parti politik, pemimpin, kerajaan dan penguasa setempat. Oleh itu, jelaslah bahawa perbezaan pembangunan ekonomi turut berlaku kerana berlakunya perubahan pentadbiran kerajaan negeri.

Menurut Che Aziz bin Che Omar (Pegawai Khas Dato' Cawangan UMNO DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

“Ada pengaruh. Kerajaan PAS tiada buat apa-apa jadi rakyat pun agak terbeban. Tapi keadaan ekonomi, harga bare (barang) pun naik. Kerajaan PAS tiada buat apa-apa untuk rakyat tapi terima bantuan daripada kerajaan pusat. Macam air ke apa ke. Kalau takda air tak boleh nak meniaga juga, nak buat kuih pun tak boleh.”

(Che Aziz bin Che Omar 21 Mac 2023)

Menurut Siti Nurul Amira binti Kamarudin (Penolong Pegawai Tadbir Pusat Khidmat PAS DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

“Saya rasa terpengaruh la. Bila ada kilang ROHM WAKO tu, orang kenal Padang Tembak. Orang datang la melabur dekat sini. Kalau ada tempat menarik macam Masjid Ar-Rahman di DUN Chempaka dekat Pulau Gajah tapi tak termasuk dalam DUN Panchor. Kalau yang tersohnya

kilang-kilang yang ada, pelabur mari melabur. Kilang ROHM WAKO besar, kilang Jepun. I-medikel pun besar”

(Siti Nurul Amira binti Kamarudin 21 Mac 2023)

4.3.2 Pengaruh bantuan ekonomi daripada ahli politik kepada pekerja untuk menyokong parti politik pemimpin tersebut

Ekonomi merupakan aspek yang perlu dijaga dan dibangunkan untuk memajukan kawasan dan menjamin kebajikan masyarakat. Perbezaan parti politik juga mungkin menjadi faktor kepada pembangunan ekonomi di sesuatu kawasan. Perbezaan pembangunan ekonomi turut berlaku kerana berlakunya perubahan pentadbiran kerajaan negeri. Pembangunan ekonomi bukan sahaja memfokuskan kepada pembangunan fizikal namun bantuan kepada rakyat itu juga perlu diambil kira. Oleh itu, kajian ini turut mengkaji pengaruh bantuan ekonomi daripada ahli politik kepada pekerja untuk menyokong parti politik pemimpin tersebut.

Berdasarkan kajian yang dilakukan, terdapat seramai 78 peratus responden yang mengatakan bahawa bantuan ekonomi daripada ahli politik akan mempengaruhi pekerja untuk menyokong parti politik pemimpin tersebut. Hal ini kerana rakyat menginginkan ekonomi mereka terjaga terutamanya ketika keadaan ekonomi yang merosot iaitu harga barang semakin naik dan gaji sedia ada tidak mampu untuk menampung. Kebanyakan responden mengatakan bahawa bantuan ekonomi daripada ahli politik akan mempengaruhi pekerja untuk menyokong parti politik pemimpin tersebut adalah kerana mereka yakin terhadap kepimpinan parti tersebut untuk menjaga ekonomi. Masyarakat juga lebih cenderung untuk memilih pemimpin yang melaksanakan tanggungjawab untuk menjaga kebajikan rakyat. Kerajaan mendengar dan bertindak supaya rakyat dan ekonomi terus bertahan terutamanya dalam tempoh yang mencabar.

Kerajaan Kelantan banyak menyalurkan bantuan kepada rakyat atau usahawan dalam pelbagai bentuk termasuklah duit tunai dan sumbangan peralatan. Usaha ini adalah untuk mengurangkan beban rakyat yang mengalami masalah kewangan. Sumbangan ekonomi juga turut disalurkan ketika berlakunya banjir melalui wakil rakyat dalam bentuk makanan dan barangan bagi meringan beban. Bantuan ini juga disumbangkan kepada penduduk di DUN Panchor. Kerajaan mengambil berat terhadap keadaan rakyat dan sentiasa berusaha untuk membantu rakyat.

Sebaliknya, terdapat juga responden yang mengatakan bahawa bantuan ekonomi daripada ahli politik tidak akan mempengaruhi pekerja untuk menyokong parti politik pemimpin tersebut iaitu sebanyak 8 peratus. Hal ini kerana kebanyakan rakyat tidak terpengaruh dengan bantuan ekonomi yang disumbangkan oleh kerajaan namun rakyat lebih mementingkan kepada kemenangan sesebuah parti itu sendiri. Perkara ini selaras dengan kajian Samsiyah (1996) yang menyatakan dalam sesuatu proses politik, pandangan, tingkah laku, dan respons antara individu adalah berlainan. Pengundi di Kelantan berminat tentang politik sama ada yang tinggal di bandar atau luar bandar dan mereka mengambil berat terhadap calon yang menang.

Menurut Che Aziz bin Che Omar (Pegawai Khas Dato' Cawangan UMNO DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

“Ya, contohnya nelayan kita bagi perahu. Dari segi penjualan pula kita bagi kiosk. Mempengaruhi juga la dari segi politik tu. Kepada peladang pun bagi. Dulu kita bagi kiosk dan

banyak lagi. Kalau dia buat ternakan kita bagi bantuan. Tapi sekarang takda sebab kerajaan lain. Bantuan ni diberi masa kerajaan UMNO memerintah dulu.”

(Che Aziz bin Che Omar 21 Mac 2023)

Menurut Siti Nurul Amira binti Kamarudin (Penolong Pegawai Tadbir Pusat Khidmat PAS DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

“Bila kerajaan negeri dipegang oleh PAS, secara automatik bantuan kerajaan sampai kepada penduduk. Bantuan Gerakan Berdikari, *tok wakil* (wakil rakyat) tolong orang yang nak berniaga. Contohnya, orang buat kuih mohon dengan kerajaan untuk kita bagi mesin menguli tepung. Jadi ni akan membantu dia untuk mengembangkan ekonomi. Boleh dia jual kuih *frozen* banyak lagi. Memang mempengaruhi la. Tapi sekiranya kerajaan UMNO atau Kerajaan Perpaduan bagi bantuan, kita tak dapat sebab tak sampai kepada pusat khidmat.”

(Siti Nurul Amira binti Kamarudin 21 Mac 2023)

4.3.3 *Pengaruh dasar kerajaan mengenai sesuatu pembangunan ekonomi terhadap rakyat untuk menyokong parti politik yang mentadbir kerajaan tersebut*

Dasar kerajaan adalah satu tindakan yang dijalankan berdasarkan matlamat dan tujuan. Dasar ialah apa-apa pilihan kerajaan untuk membuat sesuatu atau tidak. Dasar kerajaan ini adalah untuk mencorak kehidupan rakyat di sesebuah negara. Kerajaan menjalankan kuasa, memerintah, mentadbir, mengarah, mengawal dan mengurus pelaksanaan kuasa dalam mengawal tindakan ahli politik serta mengarahkan hal ehwal negara termasuklah ekonomi. Dasar ekonomi adalah tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam bidang ekonomi. Dasar ekonomi ini merangkumi sistem bagi penetapan kadar faedah, pasaran buruh, pemilikan negara dan lain-lain campur tangan kerajaan dalam bidang ekonomi. Dasar ekonomi yang ditubuhkan memberi manfaat kepada rakyat dalam pelbagai aspek. Oleh itu, kajian ini turut mengkaji pengaruh dasar kerajaan mengenai sesuatu pembangunan ekonomi terhadap rakyat untuk menyokong parti politik yang mentadbir kerajaan tersebut.

Berdasarkan kajian yang dilakukan menunjukkan 88 peratus responden yang mengatakan bahawa dasar kerajaan mengenai sesuatu pembangunan ekonomi akan mempengaruhi rakyat untuk menyokong parti politik yang mentadbir kerajaan tersebut. Hal ini kerana dasar kerajaan terhadap pembangunan ekonomi banyak membantu rakyat mengukuhkan ekonominya sendiri. Berdasarkan soal selidik, kebanyakan responden mengatakan rakyat menginginkan ekonomi yang stabil dengan membuka banyak peluang pekerjaan dan dasar adalah satu usaha yang terbaik untuk mengukuhkan ekonomi. Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang telah diperkenalkan merupakan salah satu dasar ekonomi yang memberi penekanan terhadap ekonomi rakyat. Ini kerana DEB merupakan satu program yang bertujuan untuk menyusun semula ketidakseimbangan sosioekonomi. Dasar ekonomi dapat mewujudkan peluang pekerjaan untuk rakyat, mengurangkan jurang perbezaan pendapatan dan meningkatkan taraf dan kualiti hidup rakyat. Oleh itu, adalah sangat penting untuk membentuk dasar ekonomi bagi tujuan pembangunan ekonomi dan rakyat.

Seterusnya, terdapat 8 peratus responden yang tidak pasti dan 4 peratus responden yang mengatakan bahawa dasar kerajaan mengenai sesuatu pembangunan ekonomi tidak akan mempengaruhi rakyat untuk menyokong parti politik yang mentadbir kerajaan tersebut. Hal ini kerana rakyat tidak peduli mengenai kepentingan ekonomi malah kebanyakannya hanya mengambil

berat terhadap calon atau parti yang menang. Perkara ini dapat dikaitkan dengan kajian Hassan (1999) menerangkan bagaimana dan faktor-faktor yang mempengaruhi undi antara BN dan PAS. Antaranya ialah faktor dalaman sama ada dari BN ataupun PAS itu sendiri.

Menurut Che Aziz bin Che Omar (Pegawai Khas Dato' Cawangan UMNO DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

“Ada mempengaruhi.”

(Che Aziz bin Che Omar 21 Mac 2023)

Menurut Siti Nurul Amira binti Kamarudin (Penolong Pegawai Tadbir Pusat Khidmat PAS DUN Panchor), beliau menyatakan bahawa:

“Mungkin ya, mungkin tidak. Sekarang orang cerdik belaka dan tak semestinya orang yang ambil barang dengan kita tu sokong kita.”

(Siti Nurul Amira binti Kamarudin 21 Mac 2023)

5. Kesimpulan

Kesimpulannya, pengaruh kuasa politik terhadap apa-apa pembangunan tidak dapat dielakkan lagi. Walaupun begitu, peranan dan kematangan ahli politik untuk mengambil berat tentang isu melibatkan masyarakat adalah penting untuk menjaga kesejahteraan. Peranan dan kematangan pengundi juga penting untuk memilih calon yang terbaik yang mengambil perhatian tentang situasi semasa. Harapan pengkaji semoga kajian ini dapat membuka mata setiap individu terhadap pentingnya pembangunan ekonomi di kawasan sekitar mereka dan pentingnya pemilihan calon wakil yang mempunyai personaliti yang matang dan cakna terhadap rakyat. Hal ini kerana jika ketiadaan pembangunan ekonomi di sesebuah kawasan, rakyat tidak dapat berkembang maju dan ekonomi rakyat itu sendiri akan merosot kerana ketiadaan peluang pekerjaan yang lebih luas dan tiada pendapatan. Kajian ini juga dilakukan agar dapat memberi manfaat kepada semua pihak sama ada pembaca, pengkaji atau mana-mana agensi.

Rujukan

- Anon. (2015). Sejarah Negeri Kelantan. <https://dnkelantan.wordpress.com/sejarah/> [22 Januari 2023].
- Auerbach, A.M., Bussell, J., Chauchard, S., Jensenius, F.R., Nellis, G., Schneider, M., Sircar, N., Suryanarayan, P., Thachil, T., Vaishnav, M. & Ziegfeld, R.V A. (2021). Rethinking the Study of Electoral Politics in the Developing World: Reflections on the Indian Case. *Perspectives on Politics* 20(1): 1-15.
- Che Aziz Che Omar (Pegawai Khas Dato' Cawangan UMNO DUN Panchor). (2023). Sumber maklumat dan politik semasa di kawasan DUN Panchor, Pengkalan Chepa, Kelantan. Temu bual, 21 Mac.
- Hassan Harun. (1999). *Kelantan Rakyat Dinamik Negeri Semakin Ketinggalan*. Kuala Lumpur: DD Mediaconsult Sdn Bhd.

- Henn, M. & Foard, N. (2014). Young people and politics in Britain. https://www.researchgate.net/publication/286019418_Young_people_and_politics_in_Britain [27 November 2022].
- <https://www.scribd.com/doc/162780216/Sejarah-Negeri-kelantan#> [22 Januari 2023].
- Jabatan Meteorologi Malaysia. (2023). Iklim Malaysia.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Laporan Sosioekonomi Negeri Kelantan.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2019). Laporan Survei Pendapatan Isi Rumah Dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri Dan Daerah Pentadbiran.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2020). Kelantan Darul Naim.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). N.07 Panchor Kelantan.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2022). Poket Stats Negeri Kelantan.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Yahaya Ibrahim, Abdul Halim Sidek, Jeniri Amir Rosmadi & Novel Lyndon. (2012). Persepsi politik pengundi belia Melayu pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 di Malaysia. *Jurnal Melayu* 9: 191-214.
- Junaidi Awang Besar, Nur Ellyanis Mohd Basori, Mokhtar Ahmad, Mohd Nizar Sudin, Mohd Nor Hafis Ahmad Pauzan, Munauwarah Ziauddin & Ahmad Afif Zulkipli. (2020). Pilihan Raya Kecil (PRK) pasca Pilihan Raya Umum (PRU) 2018 di Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication* 5(19): 21-53.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof. (2014). Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu analisis 'Tsunami Politik Bandar'. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 10: 28-38.
- Junaidi Awang Besar. (2016). Perkaitan sumber maklumat dengan sokongan kepada parti politik. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 32(1): 47-78.
- Klemperer, D. (2019). Electoral Systems and Electoral Reform in the UK in Historical Perspective. The Constitution Society.
- Klemperer, D. (2019). The Electoral System and British Politics. The Constitution Society.
- Mazli Mamat & Rahimi Ramli. (2021). Kecenderungan politik pengundi luar Kelantan di Lembah Klang pasca PRU-14: Suatu pemerhatian kritikal. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 17(3): 273-286.
- Mohd Rozimi Mohd Nasir & Ahmad Kamal Ariffin Mohd Rus. (2012). PAS di Kelantan sehingga Pengisytiharan Darurat 1977. *Demokrasi dan Pilihan Raya* 1(1): 43-60.
- Mohd Sayuti Omar. (1994). *Dilema Politik Kelantan: Mampukah BN Gugat Angkatan?*. Kuala Lumpur: Tinta Merah.
- Muhammad Nadzri Mohamed Noor & Mohd Faizal Daud. (2016). Pilihan Raya Dalam Politik Kelantan 1990 - 2013: Antara Parti, Pemimpin Dan Isu. *Jebat: Malaysians Journal of History, Politics & Strategies Studies* 43(2): 51-73.
- NSTP Research and Information Services. (1994). *Election in Malaysia: A Handbook of fact and Figures on the Elections 1955-1990*. Kuala Lumpur: The New Straits Times Press (Malaysia) Berhad.
- Politika. (2022). Panchor. <https://politika.my/state/kelantan/panchor> [23 Januari 2023].
- Samsiyah Ismail. (1996). Tingkah laku pengundi bandar dan luar bandar bagi pilihan raya 1986, 1990, 1995 di Negeri Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Amani Mohd Rahim. (2013). Kelantan: Strategi dan peluang Barisan Nasional (BN) menawan semula daripada Parti Islam Se-Malaysia (PAS) pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13.

- Latihan Ilmiah. Program Geografi. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Siti Nurul Amira Kamarudin Kamarudin (Penolong Pegawai Tadbir Pusat Khidmat PAS DUN Panchor). (2023). Sumber maklumat dan politik semasa di kawasan DUN Panchor, Pengkalan Chepa, Kelantan. Temu bual, 21 Mac.
- Zahirwan Halim Zainal Abidin & Norhayati Haji Hamzah. (2018). Perkembangan Islam di Kelantan: Analisis Terhadap Manuskrip Sejarah Negeri Kelantan. *Jurnal Al-Tamadun* 13(2): 133-147.